

Siswa USIM wakili negara ke PABM

Nilai: Siswa Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Irfan Faruqi Mohd Fairus, 21, mewakili negara ke Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri yang sedang berlangsung hingga esok di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Beliau terpilih selepas menjuarai sesi pemilihan

yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor, baru-baru ini.

Mempersembahkan tajuk pidato 'Pendidikan Hakiki Transformasi Umat Pencerah' dengan gaya bersahaja dan menarik ternyata memberi tuah kejayaan kepada Irfan Faruqi dalam pemilihan itu.

"Alhamdulillah, penyer-taan kali kedua dalam pemilihan PABM ini memihak kepada saya selepas kali pertama pada tahun lalu tidak berjaya. Tekanan pasti lebih tinggi kerana menggalas harapan negara dan universiti, tetapi persediaan terbaik akan saya lakukan menerusi bimbingan jurulatih," katanya yang menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala dan sijil penghargaan atas

kemenangan itu.

Penyelidikan ilmiah

Sementara itu jurulatih Debat Bahasa Melayu USIM, Muhammad Ibrahim muddin Ibrahim berkata, persiapan bagi PABM tertumpu kepada penyelidikan ilmiah, penambahbaikan gaya dan intonasi vokal serta melihat kembali persembahan peserta PABM sebelum ini.

Pemilihan Irfan Faruqi mewakili negara kali ini menjadikan beliau pemidato kedua daripada USIM dipilih selepas Mohd Ikhwan Mohd Rosseli pada tahun 2013 yang turut muncul Johan PABM Piala Perdana Menteri (Kategori Nusantara) ketika itu.

Turut bersama-sama mewakili negara bersama Irfan Faruqi nanti adalah Haziq Jamaludin, 23 dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang muncul naib juara sesi pemilihan peringkat kebangsaan itu yang membabitkan 28 peserta.



Irfan Faruqi (tiga dari kiri) mewakili negara dalam PABM.



Irfan Faruqi mewakili negara dalam PABM.